

04/02/2002

Negara bukan lombong emas pelabur: PM

Hishammuddin Aun

NEGARA tidak hanya wujud untuk memperkayakan pelabur, sebaliknya, kerajaan di semua negara juga mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat, pekerja dan perniagaan tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika ini wujud andaian aneh bahawa dunia ini hendaklah dijadikan lombong emas secara eksklusif buat pelabur tanpa mengira akibatnya.

"Inilah gambaran yang diberikan terhadap perdagangan bebas dan globalisasi. Tidak ada sebab mengapa negara dan rakyatnya yang menderita harus menerima andaian ini," katanya Perdana Menteri pada bengkel Forum Ekonomi Dunia (WEF) bertajuk 'Memastikan Aliran Modal Dalam Persekitaran Keengganan Berisiko' di New York, semalam.

Dr Mahathir berkata, pengaliran modal hanya membantu ekonomi sesebuah negara apabila ia membabitkan aliran masuk.

Dalam keadaan berlawanan, katanya, apabila modal ditarik keluar atas apa pun sebab, kesannya ke atas ekonomi sesebuah negara mungkin amat buruk.

"Adalah diakui bahawa modal tidak akan mengalir masuk jika ia tidak mendapat pengaliran keluar dengan bebas. Tetapi pengaliran keluar modal spekulatif atau dimanipulasi hanya menguntungkan kapitalis," katanya.

Perdana Menteri berkata, terdapat kepercayaan bahawa modal menyukai risiko dan bercambah dalam keadaan ketidakpastian.

Apabila risiko dilenyap sebahagian atau keseluruhannya, katanya, modal lazimnya tidak dilabur.

Dalam keadaan sedemikian pun, kata Dr Mahathir, modal masih mengalir dalam persekitaran keengganan berisiko Malaysia walaupun pada kadar lebih kecil tetapi kurang mengalami gangguan.

"Ekonomi (Malaysia) menerima manfaat daripada aliran serius ini sekalipun ketika modal mengalir keluar. Tidak berlaku perubahan mendadak. Barangkali ia kurang menarik tetapi ia baik, terutama bagi negara membangun," katanya.

Perdana Menteri berkata, campur tangan kerajaan juga adalah sebahagian penting perniagaan sekalipun dalam persekitaran perdagangan bebas.

"Mengapa perniagaan antarabangsa yang besar mengenakan tekanan ke atas kerajaan mereka untuk menerima globalisasi? Jika kerajaan tidak harus campur tangan, maka pedagang bebas juga hendaklah berusaha melaksanakan globalisasi dengan ikhtiar mereka sendiri.

"Tetapi mereka menuntut perjanjian antarabangsa, sistem jual beli berasaskan peraturan, dan penguatkuasaan kerajaan terhadap perjanjian dan undang-undang ini. Globalisasi sebenarnya membabitkan lebih banyak campur tangan kerajaan berbanding sebaliknya, iaitu kerajaan yang kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata, perniagaan antarabangsa yang besar hanya menuntut kerajaan masing-masing campur tangan dan melaksanakan langkah penyelamat apabila syarikat dan negara mereka dilanda malapetaka.

Katanya, jika syarikat seperti itu berpendirian bahawa perniagaan akan lebih baik dalam persekitaran berisiko, maka mereka hendaklah sedia menerima sebarang kemungkinan.

Perdana Menteri berkata, apabila Malaysia memansuhkan risiko turun naik kadar tukaran, timbul ramalan kononnya modal bukan saja akan menjauhi negara itu, malah meninggalkannya.

"Sebagaimana yang anda tahu, keadaan seperti itu tidak berlaku di Malaysia apabila kami menetapkan tambatan kadar tukaran ringgit dan dapat menghindarkan manipulasi keterlaluan ke atas pasaran saham oleh pelabur besar asing.

"Perniagaan, termasuk eksport, meningkat dengan cepat dan Indeks Komposit KL melonjak daripada 262 kepada hampir 900 mata, mengurangkan pinjaman tidak berbayar, meningkatkan modal pasaran dan menghindarkan tekanan ke atas perniagaan Malaysia," katanya.

(END)